



## UMP peneraju ICoE dalam bidang Acuan Tekap dan Sistem Suspensi

Universiti Malaysia Pahang (UMP) diumumkan sebagai peneraju pusat kecemerlangan industri (ICoE) acuan tekap (*die and mold*) hasil kerjasama dengan Miyazu Malaysia Sdn. Bhd. dan Pembangunan Sistem Suspensi melibatkan Sapura Industrial Berhad.

Pengumuman ini dibuat Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Dr. Hou Kok Chung yang merasmikan empat ICoE Kementerian Pengajian Tinggi di Hotel Marriott Putrajaya pada 9 Disember 2011 yang lalu.

Selain UMP, turut diumumkan ICoE Teknologi Proses Permulaan-Reka bentuk dan Fabrikasi Wafer melibatkan kerjasama antara Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dengan Infineon Technologies Kulim dan ICoE Pemasangan dan Pengujian Produk, Pembangunan Teknologi Pembungkusan dan Kejuruteraan Aplikasi untuk Proses Hiliran melibatkan Infineon Technologies Melaka dengan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) sebagai peneraju.

Menurut Dato' Dr. Hou, penubuhan pusat ini seiring dengan aspirasi Kementerian Pengajian Tinggi dalam memacu Institusi Pengajian Tinggi (IPT) agar sentiasa berdaya saing dalam bidang akademik, penyelidikan dan sumber manusia sama ada di peringkat

kebangsaan atau antarabangsa.

"Pusat Kecemerlangan Industri (ICoE) merupakan modus operandi yang dapat mengukuhkan lagi hubungan universiti industri selain daripada polisi dan amalan terbaik sedia ada masa ini.

"ICoE terdiri daripada sebuah industri utama dan sebuah universiti menerajui sebuah ICoE yang disokong jaringan pembekal industri bagi menjamin kelestarian kerjasama ini," katanya ketika berucap dalam majlis pelancaran ICoE.

Beliau berkata, bagi menjayakan ICoE, KPT memfokuskan tiga sektor ekonomi yang merupakan penyumbang tertinggi kepada ekonomi Malaysia iaitu sektor elektrik dan elektronik (E&E), automotif dan kimia.

"Misalnya, pada tahun 2009 sahaja sektor E&E menyumbang enam peratus daripada Pendapatan Negara Kasar (PNK) Malaysia, menjana 522,000 pekerjaan dan menyumbang 41 peratus daripada keseluruhan eksport Malaysia."

Namun katanya, cabaran hebat berdepan persaingan daripada Negara China, Taiwan, Singapura dan negara Asia lain dalam menguasai aktiviti nilai tambah yang lebih tinggi dalam penyelidikan dan

pembangunan (R&D), reka bentuk dan perkilangan menyebabkan peratusan E&E di Malaysia menurun sejak 10 tahun lalu.

Dato' Dr. Hou berkata, pembangunan ICoE ini adalah serampang dua mata Kementerian dalam membantu memperkukuhkan jaringan hubungan universiti dan industri dengan lebih mantap melalui hasil penyelidikan serta pembangunan modal insan mengikut kehendak industri semasa.

Sementara itu, menurut Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir, UMP menerusi Pusat Kecemerlangan Automotif (EAC) bekerjasama dengan pihak Sapura dalam membangunkan program pengujian peralatan, projek penyelidikan dan pembangunan modal insan melibatkan staf syarikat berkenaan.

Selain itu, kerjasama dengan pihak Miyazu pula merangkumi ceramah industri, projek penyelidikan acuan tekap, panel penilaian industri di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) dan pertukaran staf serta pelajar dalam program *apprentis*.

Beliau amat berharap kerjasama ini akan lebih memacu kecemerlangan UMP selaras dengan hasrat untuk menjadi Universiti Teknologi Bertaraf Dunia.